

**PERTANDINGAN PIDATO SEJARAH
PIALA MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
KALI KE-2 TAHUN 2014**

1. PENGENALAN

- 1.1. Pusat Sejarah Brunei akan menganjurkan Pertandingan Pidato Sejarah Kali Kedua tahun 2014.
- 1.2. Pertandingan Pidato Sejarah adalah sebagai salah satu media atau kaedah bagi menyampaikan dan memberigakan sejarah Brunei kepada para pelajar. Sejarah itu penting diketahui dan dipelajari oleh para pelajar kerana sejarah itu dapat memberikan pengajaran, panduan, contoh dan tauladan dalam kehidupan berkeluarga, bermasyarakat dan bernegara. Seperti mana titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Majlis Ilmu Tahun 2010 yang antara lain Baginda bertitah, *“...kita belajar dari sejarah dan berguru kepada sejarah... Bangsa yang suka berguru kepada sejarah adalah bangsa besar... Daripada sejarah kita bermula, dan daripada sejarah juga kita melakar nama. Demikianlah hebatnya sejarah itu.”*
- 1.3. Pertandingan Pidato Sejarah kali Ke-2 tahun 2014 ini akan diungkayakan dengan kerjasama Jabatan Sekolah-Sekolah, Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan dan Radio Televisyen Brunei.

2. OBJEKTIF

- 2.1. Menyerapkan budaya berfikir secara kritis di kalangan para pelajar peringkat menengah dan pengajian tinggi.
- 2.2. Meningkatkan daya fikir para pelajar dalam membuat tafsiran dan penilaian semula ke atas suatu peristiwa bersejarah di negara ini.
- 2.3. Melatih para pelajar menggunakan kaedah penyelidikan dan kajian sejarah yang sebenar.
- 2.4. Mengembangkan bakat dan minat para pelajar dalam bidang kajian sejarah.
- 2.5. Menjadikan sejarah sebagai bidang yang menarik untuk dipelajari, dikaji dan difahami.
- 2.6. Memberi kesedaran kepada generasi muda tentang nilai sejarah kepada pembangunan negara.
- 2.7. Menanam perasaan cintakan Raja, Agama, Negara dan Bangsa.

3. KATEGORI PERTANDINGAN

- 3.1. Pertandingan Pidato Sejarah ini terbahagi kepada tiga (3) kategori iaitu:
 - 1) **Kategori A** : Institusi-institusi pengajian tinggi kerajaan dan swasta.
 - 2) **Kategori B** : Pra-Universiti kerajaan dan swasta.

- 3) **Kategori C** : Sekolah-sekolah menengah kerajaan dan swasta bagi tahun 10 dan tahun 11 sahaja.

4. SYARAT PERTANDINGAN

- 4.1. Penyertaan pertandingan adalah dengan mengisi borang penyertaan yang disediakan oleh pihak penganjur.
- 4.2. Penyertaan dibukakan kepada institusi pengajian tinggi, Pra-Universiti dan sekolah menengah kerajaan dan swasta di seluruh negara.
- 4.3. Peserta yang pernah memenangi sebarang pertandingan pidato di peringkat antarabangsa adalah tidak dibenarkan menyertai pertandingan ini.
- 4.4. Peserta **Kategori A** bagi institusi pengajian tinggi adalah **tidak dihadkan** penyertaannya. **Kategori B** bagi Pra-Universiti adalah dibolehkan menghantar **3 (tiga) orang peserta**. Manakala **Kategori C** bagi sekolah-sekolah menengah kerajaan dan swasta hanya dibenarkan menghantar **seorang peserta sahaja**.
- 4.5. Setiap peserta yang berjaya mara ke peringkat akhir dipersyaratkan menyediakan skrip pidato dan menghantarnya kepada pihak penganjur pertandingan selewat-lewatnya dua minggu (14 hari) sebelum tarikh pertandingan.

5. PERATURAN PERTANDINGAN

- 5.1. Pidato hendaklah disampaikan dalam Bahasa Melayu.
- 5.2. Para peserta dikira menarik diri jika gagal hadir ditempat pertandingan 15 minit sebelum acara dimulakan.
- 5.3. Masa yang diperuntukkan untuk berucap di peringkat saringan dan peringkat separuh akhir adalah **7 minit** manakala peringkat akhir adalah **10 minit**.
- 5.4. Lampu hijau akan dinyalakan pada awal minit pertama bagi menandakan pidato bermula dan lampu kuning dinyalakan menandakan tiga minit lagi sebelum masa berakhir. Lampu merah dinyalakan bagi menandakan masa untuk berpidato sudah tamat.
- 5.5. Sebarang penyampaian selepas lampu merah dinyalakan tidak akan diberi markah.

6. ETIKA PERTANDINGAN

- 6.1. Pemandato hendaklah berpakaian kemas dan bersesuaian semasa pertandingan.
- 6.2. Pemandato hendaklah sentiasa bersopan santun dan tidak terkeluar dari tatasusila berpidato.

6.3. Pemandato tidak dibenarkan menyentuh/membicarakan perkara-perkara yang sensitif mengenai dasar-dasar kerajaan.

7. FORMAT PERTANDINGAN

7.1. Pertandingan Pidato Sejarah akan dilaksanakan seperti berikut:

- 1) Peringkat Saringan:
 - a) Kategori A : Pertandingan peringkat saringan bagi memilih 8 orang Peserta terbaik mara peringkat separuh akhir.
 - b) Kategori B : Pertandingan peringkat saringan bagi memilih 9 orang peserta terbaik mara peringkat separuh akhir.
 - c) Kategori C : Pertandingan peringkat saringan bagi memilih 12 orang peserta terbaik mara peringkat separuh akhir.

- 2) Peringkat Separuh Akhir:
 - a) Kategori A : Seramai 8 peserta terbaik bertanding di peringkat separuh akhir dan hanya 3 peserta terbaik dipilih mara peringkat akhir.
 - b) Kategori B : Seramai 9 peserta terbaik bertanding di peringkat separuh akhir dan hanya 3 peserta terbaik dipilih mara peringkat akhir
 - c) Kategori C: Seramai 12 peserta terbaik bertanding di peringkat separuh akhir dan hanya 3 peserta terbaik dipilih mara peringkat akhir.

- 3) Peringkat Akhir:
 - a) Kategori A : Seramai 3 peserta terbaik bertanding di peringkat akhir untuk menjadi johan, naib johan dan tempat ketiga.
 - b) Kategori B : Seramai 3 peserta terbaik bertanding di peringkat akhir untuk menjadi johan, naib johan dan tempat ketiga.
 - c) Kategori C : Seramai 3 peserta terbaik bertanding di peringkat akhir untuk menjadi johan, naib johan dan tempat ketiga.

8. BORANG PENYERTAAN

8.1. Borang Pertandingan Pidato Sejarah bagi semua kategori (A, B dan C) akan diedarkan pada **minggu ketiga bulan Ogos 2014**.

8.2. Borang bagi semua kategori (A, B, dan C) hendaklah dikembalikan pada pihak penganjur pada **minggu ketiga bulan September 2014**.

9. TARIKH DAN TEMPAT PERTANDINGAN

9.1. Pertandingan bagi peringkat saringan akan diadakan pada **minggu pertama, kedua dan ketiga bulan November 2014** pada jam 9:00 pagi hingga 2:00 petang bertempat di Dewan Jawatan Dalam, Pusat Sejarah Brunei, Bandar Seri Begawan.

- 9.2. Pertandingan bagi peringkat separuh akhir akan diadakan pada **minggu pertama dan minggu kedua bulan Mac 2015** pada jam 9:00 pagi dan 2:00 petang bertempat di Dewan Jawatan Dalam, Pusat Sejarah Brunei, Bandar Seri Begawan.
- 9.3. Pertandingan bagi peringkat akhir dicadangkan akan diadakan pada **minggu ketiga bulan April 2015** pada jam 9:00 pagi bertempat di Dewan Raya, RTB.

10. TAJUK PILIHAN DALAM PERTANDINGAN

- 1) Pihak penganjur menyediakan 10 tajuk bagi panduan para peserta. Walau bagaimanapun, para peserta tidak dibenarkan memilih tajuk yang sama di pertandingan peringkat separuh akhir. Tajuk-tajuk pidato bagi peringkat saringan adalah :
- 1) Generasi Belia dan Sejarah
 - 2) Sejarah Pemangkin Kemajuan Negara
 - 3) Sejarah Dalam Pembangunan Negara Bangsa
 - 4) Menjejaki Pelayaran Sultan Bolkiah
 - 5) Kesultanan Brunei Warisan Zaman Berzaman
 - 6) Pahlawan Negara Ristaan Zaman
 - 7) Tulisan Jawi Khazanah dan Warisan Bangsa
 - 8) Sejarah Penyelesai Masalah Bangsa dan Negara
 - 9) Sejarah Panduan dan Ikhtibar Sepanjang Zaman
 - 10) Sejarah Pupuk Semangat Berbangsa dan Bernegara.
- 2) Pihak penganjur akan menyediakan enam (6) buah tajuk baru kepada para peserta yang akan bertanding di peringkat akhir secara undian.

11. TATACARA PERMARKAHAN

- 11.1. Setiap pemedato akan diberi markah maksimum iaitu seratus (100) berdasarkan kriteria berikut:
1. Isi dan analisis - 60 markah
 2. Suara - 15 markah
 3. Petah dan kefasihan - 15 markah
 4. Gaya Persembahan - 10 markah
- 11.2. Keputusan Hakim adalah Muktamad.

12. KATEGORI HADIAH

- 12.1. Setiap peserta yang bertanding dalam semua kategori akan menerima Sijil penghargaan daripada Pusat Sejarah Brunei.
- 12.2. Seorang pemedato terbaik dalam semua Kategori A, B dan C akan

menerima sebuah piala rebutan sumbangan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

12.3. Pemenang bagi Pertandingan Pidato Sejarah di Peringkat Akhir akan menerima wang tunai, piala iringan serta sijil penghargaan iaitu:

I. Kategori A:

- a. Johan menerima wang tunai \$1,500.00; piala iringan dan sijil penyertaan.
- b. Naib Johan menerima wang tunai \$1,000.00; piala iringan dan sijil penyertaan.
- c. Tempat Ketiga menerima wang tunai \$750.00; piala iringan dan sijil penyertaan.

II. Kategori B:

- a. Johan menerima wang tunai \$1,500.00; piala iringan dan sijil penyertaan.
- b. Naib Johan menerima wang tunai \$1,000.00; piala iringan dan sijil penyertaan.
- c. Tempat ketiga menerima wang tunai \$750.00; piala iringan dan sijil penyertaan.

III. Kategori C:

- a. Johan menerima wang tunai \$1,500.00; piala iringan dan sijil penyertaan.
- b. Naib Johan menerima wang tunai \$1,000.00; piala iringan dan sijil penyertaan.
- c. Tempat Ketiga menerima wang tunai \$750.00; piala iringan dan sijil penyertaan.

13. PENGUNDIAN

- 13.1. Undian akan diadakan bagi menentukan giliran persembahan peserta.
- 13.2. Tarikh pengundian bagi pertandingan peringkat saringan bagi semua kategori akan diadakan pada **minggu kelima bulan September 2014** jam 9:00 pagi bertempat di Dewan Jawatan Dalam, Pusat Sejarah Brunei.
- 13.3. Tarikh pengundian bagi pertandingan peringkat separuh akhir bagi semua kategori akan diadakan pada **minggu kelima bulan November 2014** jam 9:00 pagi bertempat di Dewan Jawatan Dalam, Pusat Sejarah Brunei.
- 13.4. Tarikh pengundian bagi pertandingan peringkat akhir bagi semua kategori akan diadakan pada **minggu keempat bulan Mac 2015** jam 9:00 pagi bertempat di Dewan Jawatan Dalam, Pusat Sejarah Brunei.

- 13.5. Peserta ataupun wakil yang tidak dapat hadir semasa pengundian, maka peserta berkenaan dengan secara automatik akan menjadi peserta awal.

14. SKRIP PIDATO

- 14.1. Peserta yang berjaya masuk ke peringkat akhir hendaklah menghantar skrip pada **minggu pertama bulan April 2015** dari jam 8:30 pagi hingga 4:00 petang bertempat di Pusat Sejarah Brunei.
- 14.2. Sebarang pertukaran tajuk pidato hendaklah dimaklumkan seberapa segera kepada pihak penganjur iaitu satu minggu (7 hari) sebelum pertandingan.
- 14.3. Sebarang pertukaran tajuk pidato di saat akhir pertandingan tidak akan dilayan.
- 14.4. Skrip pidato para peserta Peringkat Akhir akan didokumentasikan untuk diterbitkan.

15. HAKIM

- 15.1. Pihak penganjur akan melantik para hakim yang akan menghakamkan pertandingan di peringkat saringan, peringkat separuh akhir dan peringkat akhir.
- 15.2. Pihak penganjur akan mengadakan sesi perjumpaan dan perbincangan bersama para hakim sebelum pertandingan Pidato Sejarah Ke-2 dimulakan.
- 15.3. Hakim-hakim juga akan menjadi mentor bagi para peserta yang berjaya ke Peringkat Separuh Akhir dan Peringkat Akhir. Para peserta juga dibolehkan memilih mentor mereka sendiri.

16. PENYEMAKAN SKRIP PIDATO DAN PERSEMBAHAN TERTUTUP

- 16.1. Skrip Pidato para peserta yang berjaya masuk ke Peringkat Akhir akan disemak oleh para hakim yang dilantik sebelum skrip tersebut dipertandingkan oleh para peserta di pertandingan peringkat akhir.
- 16.2. Skrip Pidato akan dipersembahkan oleh para peserta peringkat Akhir secara tertutup di hadapan para hakim yang dilantik iaitu **seminggu sebelum pertandingan akhir.**

17. BORANG PENYERTAAN

- 17.1. Borang penyertaan boleh didapati melalui www.pusat-sejarah.gov.bn atau <http://narawahana.blogspot.com> dan <https://www.facebook.com/Narawahana>.
- 17.2. Borang penyertaan hendaklah dihantar tidak lewat pada **18**

September 2014 jam 4:00 petang kepada:

**JAWATANKUASA PENYERTAAN DAN PENDAFTARAN
PERTANDINGAN PIDATO SEJARAH KE-2 2014**

PIALA MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Pusat Sejarah Brunei

Jalan Stoney/James Pearce,

Bandar Seri Begawan, BS 8610.